

**PERANAN BAHASA KEBANGSAAN
DALAM PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN
DAN TEKNOLOGI
(MERUJUK KEPADA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM)***

Haji Jalil Haji Mail
Universiti Brunei Darussalam

1.0 Pendahuluan

Menurut tinjauan sejarah bahawa bahasa Melayu (BM) pernah menjadi bahasa perantaraan atau "lingua franca" di rantau Nusantara ini dan sekaligus menjadi bahasa antarabangsa. Ciri keantarabangsaan BM itu dapat dilihat apabila pelaut Eropah mula berkenalan dengan BM pada akhir abad keenam belas dan pada masa itu BM bukan sahaja dijumpai di Aceh, Melaka, Patani dan Brunei, bahkan di Vietnam, Manila, Ternate dan India. (Collins, 1995: 684)

Kegemilangan BM sebagai bahasa ilmu secara nyata memuncak pada zaman kebesaran kerajaan Aceh dalam abad ke-17 apabila muncul pemikir-pemikir Melayu yang menghidupkan tradisi ilmu dengan menggunakan BM dalam tulisan-tulisan mereka dan di antara tokoh-tokoh ulung yang bertanggungjawab meningkatkan BM sebagai bahasa ilmu ialah Hamzah Fansuri; Syamsuddin Pasai; Abdul Rauf Singkil dan Nuruddin Al-Raniri. Dalam perkembangan seterusnya, BM sebagai bahasa ilmu bersebar luas ke daerah-daerah lain di Nusantara seperti Palembang, Banjarmasin, Pattani dan Riau dengan munculnya tokoh-tokoh pemikir (Awang Sariyan, 1994:50). Pada akhir abad ketujuh belas kelompok penutur ini bertambah dengan adanya penutur BM baru iaitu yang berketurunan Jepun, Belanda, Irian, Arab, Itali, Portugis dan Jerman. (Collins, 1995: 684)

* Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sempena Sidang Ke-35 MABBIM, 18•19 Mac 1996, Hotel Sedona, Padang, Indonesia.

Sejak dari perkembangan awal ini sejarah BM di peringkat antarabangsa tidak pudar dalam edaran zaman. BM berwibawa sebagai bahasa kebangsaan di empat buah negara; dituturkan juga sebagai bahasa minoriti di empat benua dan dipelajari bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi di puluhan universiti di Eropah, Australia, New Zealand, Amerika Utara dan Asia Utara. Ini menjadi bukti keantarabangsaan BM. (Ismail, 1985, dipetik dari Collins, 1995: 684)

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jumlah penduduknya pada tahun 1994 dianggarkan 284.500 orang, dari perangkaan ini jumlah terbesar mengikut bangsa ialah Melayu berjumlah 190.600 orang (67,0%); Cina 43.800 orang (15,4%), Puak asli lain 17.200 orang (6,0%) dan lain-lain bangsa 32.900 orang (11,6%) (Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 1994). Ini menggambarkan bahawa jumlah penutur BM adalah besar. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa pembudayaan BM sebagai bahasa ilmu belum dapat dikatakan seratus peratus, namun sesuai dengan sifat bahasa itu sendiri iaitu dinamis, maka usaha-usaha yang berunsurkan dinamis juga telah dan sentiasa dilaksanakan dan dipertingkatkan. (Awg. Mohd. amin Awg. Haji Sirat, 1993: 2).

Banyak bukti telah ditonjolkan bahawa BM mempunyai peranan yang amat penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Dalam kertas kerja ini, fokus perbincangan akan ditumpukan kepada perkembangan penggunaan BM dalam berbagai bidang serta peranannya di Universiti Brunei Darussalam dalam tempoh satu dekade penubuhan universiti (1985--1995). Penulis tidak berhasrat untuk melihat mutu BM yang digunakan. Dengan demikian kertas kerja ini lebih bersifat laporan yang penulis percaya dapat dikongsi bersama sebagai bahan pengetahuan dan renungan.

2.0 Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam

Sejarah kemunculan dan pemakaian BM di Negara Brunei Darussalam tidaklah diketahui bila bermulanya. Walau bagaimanapun berdasarkan catatan sejarah, BM memang telah lama digunakan di Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam hubungan perdagangan dalam negeri dengan negeri-negeri yang berdekatan, dalam adat istiadat dan juga dalam kehidupan seharian di kalangan pendudukan tempatan.

BM telah didaulatkan sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam sejak pemsyukuran Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September 1959 seperti terkandung dalam Bab 82 (1) yang menyatakan:

*"Bahasa rasmi negeri ini ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis"*¹

Sebelum Perlembagaan tersebut di atas dimasyhurkan pada tahun 1959, media massa telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan penggunaan BM sebagai bahasa utama dan sekaligus menjadikannya sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam. Pemakaian BM dalam media cetak sudah bermula sejak tahun 1953, iaitu apabila akhbar "Salam" mula diterbitkan. Kemudian pada tahun 1957 Radio Brunei telah ditubuhkan dengan menggunakan BM pada sepanjang pemancarannya. (Habibah Haji Metusin 1988: 112)

Untuk melaksanakan peruntukan Perlembagaan tersebut kerajaan telah mempertingkatkan usaha agar BM dapat digunakan sepenuhnya dalam semua bidang kehidupan. Dalam bidang pentadbiran sejak awal tahun 1960, pihak kerajaan telahpun

¹Perlembagaan negeri Brunei 1959 : 23

menekankan penggunaan BM sebagai bahasa rasmi negara ini. Sebagai langkah permulaan pada 16 Februari 1960, Setiausaha Kerajaan melalui Surat Keliling No. 8/1960 menghendaki supaya ketua-ketua pejabat menentukan bahawa surat menyurat dan minit-minit mesyuarat di antara dan di dalam pejabat dibuat dalam bahasa Melayu. Surat keliling ini juga menetapkan bahawa bahasa Melayu hendaklah digunakan pada papan-papan pemberitahuan dan papan-papan yang mengandungi nama-nama pejabat. Pegawai-pegawai juga dimestikan untuk menggunakan gelaran jawatan mereka di dalam bahasa Melayu (Pg Zabaidah Pg Kamaluddin, 1987: 6).

Bagi memastikan penggunaan BM sentiasa berterusan, kerajaan dari masa ke masa mengingatkan jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan melalui surat keliling supaya mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan. Ini jelas menunjukkan betapa kerajaan mengambil berat terhadap penggunaan BM di kalangan jabatan dan pegawai kerajaan sebagai contoh teladan kepada orang ramai. Sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara, BM digunakan dalam urusan-urusan dan keadaan-keadaan rasmi seperti dalam persidangan, mesyuarat, minit, memorandum, surat keliling, ucapan-ucapan, akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei dan BM juga digunakan oleh pembaca rancangan, berita dan dalam rancangan-rancangan radio dan televisyen Brunei.

Bagi memenuhi hasrat Perlembagaan ini pada tahun 1960, satu badan bebas yang diberi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dibentuk. DBP bertanggungjawab kepada kerajaan untuk memeriksa perkara-perkara yang berhubung dengan perkembangan dan pelaksanaan BM, di samping memainkan peranan penting dalam meningkatkan pemakaian BM kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Usaha-usaha seperti ini sentiasa diteruskan dan dipertingkatkan oleh DBP dan aktiviti-aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan serta penerbitan telah berjalan secara terarah.

Kerajaan tidak bersendirian dalam usaha mempertingkatkan penggunaan BM ini. Pihak lain juga merasa bertanggungjawab mengenainya. Dalam tahun 1962 sebuah persatuan yang dinamakan "**Asterawani**" telah ditubuhkan. Di antara tujuan utama penubuhan ini ialah "**memperluas dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu, kegiatan-kegiatan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu, sesuai dengan kepentingan-kepentingan nasional**". Persatuan ini bergiat aktif dalam mencapai tujuan penubuhannya seperti menganjurkan forum; bengkel; pertemuan serantau; peraduan penulisan dan seumpamanya.

Dalam bidang pendidikan, kedudukan BM dalam persekolahan dapat dilihat melalui pengenalan sistem sekolah dalam tahun 1906 (Fatimah Haji Mohd Husin, 1985: 56 dipetik dari Rahmah Hj Yaakub, 1988: 13).

Pengenalan sekolah ini merupakan satu era baru dalam perkembangan bahasa dan bangsa Melayu kerana hubungan bahasa dan pendidikan adalah berkait rapat dalam pembentukan perasaan yang melambangkan hasrat kebangsaan. Semangat untuk mendaulatkan BM dalam pendidikan juga dapat dilihat dari Laporan Pelajaran Aminuddin Baki/Paul Chang yang mengkaji dasar pelajaran Brunei. Laporan ini memperjelaskan salah satu tujuan dasar pelajaran:

"Menjadikan/menggunakan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar di semua sekolah di negeri ini".²

Kementerian Pendidikan sebagai sebuah kementerian kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan dasar dan sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan taraf penggunaan BM di semua peringkat persekolahan

²Dato Dr. Haji Ahmad Haji Jumat, 1992: 9

dengan mewajibkan mata pelajaran BM. Dasar ini diperkuat dengan pernyataan yang terdapat dalam Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972, seperti berikut:

(a) Dasar 1: "Untuk menjadikan secepat mungkin Bahasa Melayu bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan".³

Melalui sistem Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan telah mewajibkan semua murid dan penuntut dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas mempelajari mata pelajaran BM. Di samping itu, kelulusan dalam mata pelajaran BM adalah menjadi syarat utama bagi mendapatkan sijil bagi peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Sekolah Rendah (Primary Certificate of Education), Sijil Rendah Pelajaran Brunei (Brunei Junior Certificate of Education) dan Sijil Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level General Certificate of Education). Untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi, sama ada di dalam atau di luar negeri, kepujian (credit) dalam mata pelajaran BM adalah menjadi salah satu syarat bagi penganugerahan dermasiswa.

Selain menjadi bahasa rasmi negara, mempunyai pengetahuan BM yang baik juga dijadikan syarat utama untuk mendapatkan taraf kerakyatan yang sah. Hal ini diperjelaskan seperti yang terkandung di dalam surat-surat Perlembagaan 1959 No: E.4: 5(5) di bawah syarat-syarat taraf kebangsaan Brunei 1961 (Perlembagaan Negeri Brunei, 1959: 115--135).

Kedudukan BM juga dikaitkan dengan falsafah Negara Brunei Darussalam iaitu "**Melayu Islam Beraja (MIB)**". Falsafah MIB mempunyai kaitan yang amat rapat dengan BM kerana bahasa itu adalah asas yang amat penting untuk mendukung MIB, sebagai salah satu

³YB POKADDSU (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1982: 1

usaha mengukuhkan ketahanan nasional dan sebagai mekanisme yang signifikan dalam menonjolkan identiti Melayu. Ini diperjelaskan lagi dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Baginda yang ke-44 pada 21 Julai 1990 di Daerah Belait:

*Dari tiga rangkai kata: "**Melayu Islam Beraja**" terdapat unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tidak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti".*

Ini jelas memperlihatkan keperihatinan Baginda sebagai ketua negara dan kerajaan terhadap kepentingan BM yang akan sahaja boleh menyatupadukan masyarakat tetapi juga sebagai alat yang boleh menonjolkan identiti kebruneian.

Dari penjelasan ringkas di atas BM telah memainkan peranan sebagai bahasa perhubungan utama dalam Negara Brunei Darussalam yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbagai keturunan, menjadi bahasa pengantar pendidikan dan bahasa pentadbiran.

Demikianlah sedikit sebanyak gambaran mengenai BM di Negara Brunei Darussalam. Penulis percaya banyak lagi perkara-perkara atau penjelasan-penjelasan yang boleh dibuat mengenai BM di Negara Brunei Darussalam sama ada dari segi sejarah perkembangan atau pengukuhanannya yang diusahakan oleh berbagai pihak. Namun demikian penulisan yang terperinci mengenai BM di Negara Brunei Darussalam bukanlah menjadi fokus utama kertas kerja ini.

3.0 Bahasa Melayu Di Universiti Brunei Darussalam

Universiti Brunei Darussalam (UBD) ditubuhkan pada tahun 1985. Pada 28 Oktober 1985, sebanyak 176 orang pelajar pelopor telah diterima untuk mengikuti empat program ijazah pertama yang dikendalikan oleh satu Lembaga Fakulti yang meliputi bidang-bidang sastera, sains dan pendidikan. Daripada empat program ijazah pertama yang ditawarkan itu, dua adalah disampaikan dalam BM iaitu:

1. Sarjana Muda Sastera dengan pengkhususan (major) sama ada dalam bidang Ekonomi, Bahasa dan Linguistik, Kesusasteraan Melayu, Geografi atau sejarah
2. Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan sama ada dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Melayu atau Pengajian Islam

Dua program lain yang bahasa penghantarnya bahasa Inggeris ialah B.A. (Primary Education) dan B.Sc. (Education). Pada masa itu UBD beroperasi di kampus sementara iaitu di kompleks bangunan yang diubahsuai berdekatan dengan Institut Pendidikan Sultan Hassaanal Bolkiah terletak kira-kira satu kilometer dari pusat Bandar Seri Begawan.

Menjelang permulaan tahun akademik yang keempat iaitu sekitar tahun 1989 UBD menyanksikan perkembangan yang pesat. Kakitangan akademik yang hanya berjumlah tidak melebihi satu dosen di awal penubuhannya kini sudah berjumlah 161 orang, pelajar yang mengikut berbagai jenis program berjumlah 936 orang yang tersebar di empat buah fakulti dengan 21 buah jabatan. Perkembangan-perkembangan ini telah membawa UBD sampai ke kemuncaknya ketika majlis konvokesyen pertama berlangsung pada 21 September 1989 apabila pelajar-pelajar kumpulan pelopor menerima ijazah mereka.

Pada 27 Oktober 1995 UBD menjangkau usianya satu dekad. Perkembangan dominan dalam tempoh ini ialah perpindahan kampus UBD ke kampus kekalnya pada awal tahun 1995. Dilihat dari program-program yang ditawarkan jelas kelihatan UBD melangkah begitu rancak sehingga pada sesi akademik 1995/1996 terdapat sebanyak 10 program ijazah pertama; 4 program peringkat sijil; 10 program sarjana dan 2 program sijil pendidikan lepasan ijazah telah ditawarkan. Daripada 26 program tersebut hanya 7 program sahaja yang majoriti bahasa pengantarnya BM, sementara program-program selebihnya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Ini dapat dilihat daripada data berikut:

Peringkat Program	Ijazah Pertama	Sarjana	Sijil	Sijil Pendidikan Lepas Lajazah	Jumlah
Aliran Melayu	1	3	2	1	7
Aliran Inggeris	9	7	2	1	19

Lihat lampiran A bagi nama-nama program akademik yang ditawarkan pada sesi akademik 1995/1996.

Daripada data tersebut jelas kelihatan bahawa program-program yang bahasa pengantarnya BM masih jauh jumlahnya jika dibandingkan dengan program-program yang bahasa pengantarnya bahasa Inggeris.

Perbezaan ini melambangkan satu keadaan yang tidak dapat dielakkan kerana keperluan memperkenalkan program yang bahasa pengantarnya bahasa Inggeris lebih kerap berpunca daripada desakan pasaran pekerjaan di Negara Brunei Darussalam sendiri yang masih memerlukan dan mengutamakan lepasan-lepasan universiti yang mempunyai kebolehan

Sementara itu program-program yang bahasa pengantarnya BM kebanyakannya bertujuan untuk melahirkan guru-guru yang akan mengajar mata pelajaran BM atau Kesusasteraan Melayu atau Pengajian Islam atau Melayu Islam Beraja di sekolah-sekolah, di samping bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar yang mengikuti program-program tersebut yang terdiri daripada guru-guru dan pentadbir-pentadbir sekolah serta pegawai-pegawai kerajaan.

Jika dilihat dari kursus-kursus (mata kuliah) yang diajarkan dalam program-program aliran Inggeris seperti program ijazah sarjana, PGCE dan Certificate in Early Childhood Education ternyata BM tidak mengambil tempat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana daripada jumlah unit yang diperlukan lulus untuk program-program ini tidak terdapat satu pun unit yang bahasa pengantarnya BM. Sementara bagi program-program ijazah pertama dan Certificate in Education terdapat kursus-kursus yang bahasa pengantarnya BM tetapi dalam jumlah yang terhad, ini termasuklah kursus wajib universiti iaitu kursus Melayu Islam Beraja.

Bagi program-program dalam BM peranan dan fungsi BM sebagai alat penyampai ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih kukuh dan menyerlah. Program-program ini adalah di peringkat sarjana; ijazah pertama; sijil dan sijil lepasan ijazah.

Dalam perancangan sesi akademik akan datang dua program yang berorientasikan BM dijangka akan ditawarkan. Salah satu daripadanya ialah program Sijil Penulisan Kreatif yang akan dilaksanakan sepenuhnya dalam BM, manakala program Sarjana Muda Pengajian Brunei akan mempunyai kandungan kursus dalam BM yang hampir seimbang dengan komponen yang akan diajarkan dalam bahasa Inggeris.

Di samping program-program akademik tersebut, UBD juga memperkenalkan kursus-kursus jangka pendek yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Dalam Perkhidmatan. Kursus-kursus yang dikelolakan kebanyakannya khusus untuk pentadbir-pentadbir dan guru-guru sekolah yang antara lain bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan profesional dan kemahiran para peserta; mendedahkan perkembangan-perkembangan terbaru dalam bidang pendidikan; menyediakan forum untuk peserta berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar fikiran dalam hal pendidikan dan membantu keberkesanan sekolah dalam semua aspek secara keseluruhan.

Berdasarkan laporan tahunan Jabatan Pendidikan Dalam Perkhidmatan bagi tempoh sesi akademik 1989/1990 hingga 1994/1995 terdapat 88 kursus jangka pendek telah dilaksanakan oleh tenaga akademik UBD. Daripada jumlah tersebut hanya 15 kursus yang dikendalikan dalam BM, manakala selebihnya dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Sekali lagi BM kurang mengambil tempat dalam pelaksanaan kursus jangka pendek ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa BM sebagai bahasa ilmu banyak bergantung kepada penghasilan karya ilmu dalam BM, sama ada yang berupa karya asli dalam BM atau karya terjemahan. Namun demikian peranan dan penggunaan BM bukan sahaja tidak menyerlah dalam program-program akademik yang ditawarkan di UBD tetapi juga dalam bidang penyelidikan.

Berdasarkan laporan penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Konsultan dan Penyelidikan UBD terdapat 97 buah tajuk penyelidikan yang dibiayai oleh pihak universiti yang dijalankan oleh ahli-ahli akademik sepanjang penubuhan UBD. Daripada jumlah tersebut hanya tujuh buah penyelidikan yang dibuat dalam BM walaupun hampir separuh daripada kira-kira 290

tenaga akademik boleh berbahasa Melayu. Memang diakui kemudahan penyelidikan yang terdapat di UBD tidak secanggih kemudahan yang terdapat di negara-negara maju dan di universiti yang sudah lama wujud tetapi pihak universiti telah berusaha menyediakan bantuan penyelidikan dalam bentuk kewangan demi untuk menggalakkan ahli akademik membuat penyelidikan dan Negara Brunei Darussalam sendiri menawarkan prospek penyelidikan yang sangat baik dalam berbagai bidang. Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan sebagai daerah yang belum terusik ('virgin' territory) bagi mereka yang boleh menggunakan imaginasi masing-masing untuk mengemukakan cadangan penyelidikan baru (Awang Haji Abu Bakar Haji Apong). Namun demikian hasil-hasil penyelidikan dalam BM masih belum dapat dipertingkatkan.

Berdasarkan laporan tahunan Pusat Teknologi Pendidikan (PTP) UBD dari 1990--1995, PTP telah mencetak lebih kurang 171 judul bahan kursus dalam bentuk nota kuliah, dan buku yang dihasilkan oleh ahli-ahli akademik. Daripada jumlah ini hanya terdapat 59 judul yang dihasilkan dalam BM. Faktor utama yang menyebabkan kurangnya hasil karya dalam BM adalah kerana UBD hanya menawarkan tujuh program akademik dalam aliran Melayu berbanding dengan program dalam aliran Inggeris yang berjumlah 19 program. Ini memperlihatkan bahawa jumlah tenaga akademik yang ramai yang boleh berbahasa Melayu bukanlah satu jaminan bahawa karya dalam BM juga akan banyak dihasilkan. Peningkatan hasil karya dalam BM lebih banyak bergantung kepada iltizam dan komitmen ahli akademik lebih-lebih lagi mereka yang ingin memperjuangkan kedaulatan BM dan menjadikannya sebagai bahasa ilmu yang mampu menceranakan pemikiran masyarakat bagi membentuk satu budaya hidup yang bertunjangkan BM. Penulis tidak menafikan terdapatnya karya-karya yang ditulis dalam BM yang dicetak atau diterbitkan di luar universiti tetapi jumlahnya tetap terhad.

Aktiviti-aktiviti lain UBD seperti persidangan, seminar, bengkel dan seumpamanya tidak terkecuali dari menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian atau

pembicaraan, apatah lagi yang dianjurkan secara bersama dengan situasi-institusi luar negeri dan yang bercorak antarabangsa bahasa Inggeris menjadi bahasa utama. Memang tidak dapat dinafikan terdapat seminar dan persidangan yang dianjurkan menggunakan BM dan beberapa kertas kerja yang dibentangkan dalam aktiviti-aktiviti tersebut di atas juga menggunakan BM tetapi bilangannya tetap berkurangan jika dibandingkan dengan yang menggunakan bahasa Inggeris.

Hambatan yang dialami oleh BM dalam penjelasan yang tersebut di atas tidaklah terbiar begitu sahaja. Usaha-usaha menstabilkan, menyeimbangkan dan meningkatkan kedudukan BM di UBD memang sudah dibuat dan akan sentiasa dan terus dibuat. Penubuhan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik (JBML) dalam Fakulti Sastera dan Sains Sosial adalah salah satu usaha tersebut. Matlamat utama jabatan ini adalah untuk mendidik pelajar menjadi guru BM dan sebagai pakar ilmu bahasa, khususnya ilmu BM dan Linguistik. Di samping matlamat tersebut, jabatan ini juga berhasrat menjalankan penyelidikan dan mengendalikan seminar kebahasaan yang boleh disumbangkan dalam kemajuan ilmu linguistik umumnya dan kemajuan pengajaran BM di Negara Brunei Darussalam khususnya. Dengan yang demikian jabatan ini secara aktif ikut berperan dalam membina dan mengembangkan semangat rakyat Negara Brunei Darussalam dalam mengamalkan prinsip kehidupan falsafat MIB.

Di samping JBML, Jabatan Kesusasteraan Melayu juga diwujudkan di dalam fakulti yang sama. Jabatan ini mempunyai wadah tersendiri yang mana kesusasteraan dilihat sebagai satu disiplin ilmu yang dapat dikaji serta diterapkan secara saintifik dan sistematik yang melibatkan ilmu-ilmu bantu yang lain seperti linguistik, sejarah, falsafah, agama, sosiologi, pendidikan malah budaya secara keseluruhan. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jabatan ini melihat kesusasteraan mempunyai peranan yang lebih penting dalam menerapkan nilai-nilai murni yang tersirat dalam falsafah MIB yang menjadi teras kepada jiwa dan identiti

Brunei sebagai suatu bangsa yang berdaulat. Di samping menjadikan sebagai suatu disiplin ilmiah, jabatan ini juga berhasrat menjadikan kesusasteraan Melayu sebagai sarana dalam menyalurkan nilai-nilai murni yang selari dengan norma-norma keislaman, kebangsaan, budaya dan adat resam yang menjadi pegangan masyarakat Melayu Brunei sejak zaman dahulu, masa kini dan akan datang.

Penubuhan Akademi Pengajian Brunei (APB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Baginda ke-44 di Daerah Tutong pada 17 Julai 1990 juga dirasakan amat penting dalam menstabilkan dan meningkatkan kedudukan BM. APB melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam pengajaran dan penyelidikan yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan Negara Brunei Darussalam dan pengajaran kursus MIB bertunggakkan BM di samping tidak mengetepikan kepentingan bahasa Inggeris. APB juga berfungsi sebagai Sekretariat Majlis Tertinggi Kebangsaan MIB iaitu satu badan tertinggi yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti penerapan dan penghayatan falsafah MIB di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Seperti yang diterangkan lebih awal dalam kertas kerja ini kedudukan BM dalam falsafah MIB adalah sangat istimewa dan unggul kerana ia adalah alat perpaduan bangsa dan teras identiti bangsa Negara Brunei Darussalam.

4.0 Penutup

Gambaran yang dihuraikan di atas dan hubungkaitnya dengan peranan BM dalam perkembangan ilmu pengetahuan dalam konteks UBD masih jauh dari memuaskan di samping usaha-usaha yang telah dan terus dibuat untuk menstabilkan, menyeimbangkan dan

meningkatkan kedudukan BM. Pada keseluruhannya gambaran tersebut yang meliputi bidang program akademik yang ditawarkan; pengajaran dan pembelajaran; kursus-kursus jangka pendek yang diperkenalkan; penyelidikan; penerbitan dan aktiviti-aktiviti yang bercorak persidangan, seminar dan bengkel lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar; bahasa komunikasi dan bahasa pencetus minda.

Perkembangan UBD dalam satu dekad yang akan datang adalah lebih genting. Naib Canselor UBD dalam ucapan beliau semasa Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan UBD pada 28 Oktober 1995 menggariskan bahawa bentuk atau jenis program ijazah UBD dan hubungannya dengan keperluan dan hasrat Negara Brunei Darussalam dalam konteks serantau dan antarabangsa; kualiti dan daya saing para siswazah yang dikeluarkan dan kemampuan menyeluruh UBD sebagai institusi pengajian tinggi kebangsaan adalah sebahagian daripada unsur utama bagi para ahli akademik dan pentadbir universiti perlu mengambil peranan yang serius dan sensitif mengenainya.

Di dalam gagasan tersebut perkara utama yang ditekankan ialah kualiti tugas UBD dalam berbagai bidang yang boleh menjadikan UBD sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan perkembangan sumber tenaga manusia melalui kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan dalam bidang-bidang yang penting kepada Negara Brunei Darussalam sesuai dengan misi dan objektif UBD. Dari sini timbul satu persoalan "apakah BM mampu memperoleh kedudukan yang lebih mantap jikapun tidak lebih istimewa dalam kerancangan arus perdana perancangan, pelaksanaan dan pencapaian gagasan tersebut lebih-lebih lagi setelah BM mengalami berbagai perkembangan dan hambatan dalam tempoh satu dekad UBD beroperasi?" Memang tidak dapat dinafikan bahawa satu dekad yang akan datang merupakan tempoh yang genting bagi UBD setelah melalui satu dekad yang lalu. Namun demikian rasa kegentingan itu juga dirasakan oleh kedudukan BM yang penuh dengan persoalan, cabaran dan dilema.

Walau dalam apa keadaan sekalipun pemantapan kedudukan BM sebagai alat komunikasi ilmu; perpaduan dan pencetus minda lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan memerlukan usaha yang lebih gigih dan jitu supaya tradisi budaya hidup negara berlandaskan penggunaan BM dapat diwujudkan dan diseimbangkan jikapun tidak lebih dengan bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Abu Bakar Haji Apong, DSLJ Haji, 1995. Teks ucapan semasa Majlis Pelancaran Sambungan Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Universiti Brunei Darussalam, 28.
- Ahmad bin Kadi, Haji, 1994. "Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Melayu dan Matlamatnya (Merujuk kepada situasi Brunei Darussalam)". Kertas Kerja Sidang Ke-33 MABBIM. Negara Brunei Darussalam.
- Ahmad bin Haji Jumat, Dato Dr. Haji, 1992. "Dwibahasa (Bilingual) System of Education in Brunei Darussalam". Jurnal Pendidikan, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Annual Report, Department of In-Service Education, 1989/1990; 1990/1991; 1991/1992; 1993/1994; 1994/1995. Universiti Brunei Darussalam.
- Annual Report, Educational Technology Centre, 1990 - 1995. Universiti Brunei Darussalam.
- Amin bin BPKDP Awang Haji Sirat, Awang Mohd, 1993. "Perkembangan Bahasa Melayu Di Brunei Darussalam". Kertas Kerja Kongres Bahasa Indonesia VI.
- Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 1994. Statistics Division, Economic Planning Unit, Ministry of Finance, Negara Brunei Darussalam.
- Buku Panduan, 1995/1996. akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Buku Panduan, 1995/1996. Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
- Buku Panduan, 1995/1996. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
- Collins, James T. 1995. "Perjuangan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa". Jurnal Dewan Bahasa.
- Habibah Haji Metusin, 1988. "Pelaksanaan Sistem Ejaan Rumi Baru di Sekolah-Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan Antara Sekolah Dalam Bandar Dengan Luar Bandar Daerah Tutong". Latihan Ilmiah Program Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam.

Jamil Al-Sufri, POKADDSU (Dr.) Haji Awang, 1982. Corak Pendidikan di Brunei Pada Masa Hadapan.

Mataim bin Bakar, Awang, 1993. "Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Dalam Konteks Negara Brunei Darussalam". Kertas Kerja Kongres Bahasa Indonesia VI.

Perlembagaan Negara Brunei, 1959.

Prospectus 1985 - 1995, Universiti Brunei Darussalam.

Rahmah Haji Yaakub, 1988. "Struktur Ayat Bahasa Melayu Tingkatan I Sekolah-Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis Buku Teks". Latihan Ilmiah, Program Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam.

Zabaidah binti Pengiran Kamaludin, Pengiran, 1987. "Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan". Kertas Kerja Seminar Bahasa Sempena Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Lampiran A

PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN BAGI SESI AKADEMIK 1995/1996

PROGRAM/ PROGRAMMES	KOD PROGRAM/ PROGRAMME CODE	NAMA PROGRAM/PROGRAMME NAME
PROGRAM IJAZAH PERTAMA/ <i>FIRST DEGREE PROGRAMME</i>		
ALIRAN MELAYU/ <i>MALAY MEDIUM</i>	2	B.A. Pendidikan (Major dlm B. Melayu, Kesusasteraan Melayu atau Sejarah dan Minor dlm B. Melayu, Kesusasteraan Melayu, Sejarah, Peng. Islam atau Peng. Brunei)
	3	B.A. Pendidikan (Major dlm Peng. Islam dan Minor dlm Peng. Brunei)
ALIRAN INGGERIS <i>ENGLISH MEDIUM</i>	6	B.A. Ed (Major in Geography, Eco., or TESL and Minor in Geo., Eco. TESL or History or Maths)
	14	B.A. Ed (Islamic Studies)
	8	B.Sc. Ed (Major of Minor chosen from Bio., Chem., Phy. & Maths)
	7	B.A. Primary Ed
	5	B.A. (Public Policy and Administration)
	12	B.A. (Major in Eco., Geo., or Eng. Studies and Minor in Eco., Geo., Account & Finance, Maths or Eng. Studies)
	11	B.Eng. (Electrical and Electronic Engineering)

PROGRAM/ PROGRAMMES	KOD PROGRAM/ PROGRAMME CODE	NAMA PROGRAM/PROGRAMME NAME
	10 13 17	B.Sc. (Computer Science/Mathematics) B. Commerce (Accounting) B. Business Administration
PROGRAM LAIN/ OTHER PROGRAMMES ALIRAN MELAYU/ MALAY MEDIUM	52 53 82 83	Sijil Pengajaran Bahasa Melayu Sijil Pengurusan Pendidikan Sarjana (Bahasa Melayu dan Linguistik) secara Penyelidikan Sarjana (Kesusasteraan Melayu) secara Penyelidikan
	85 84 74 80 81	Sarjana (Bahasa Melayu dan Linguistik) secara Kerjakursus dan Penyelidikan Sarjana (Sejarah) secara Penyelidikan Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah (Menengah - Ujama) Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah (Rendah) Sijil Pendidikan Lulusan Ijazah (Menengah)
ALIRAN INGGERIS/ ENGLISH MEDIUM	50 54 79 77 78 86 87 88 89 90 91	Certificate in Education Certificate in Early Childhood Education Postgraduate Certificate in Education (Secondary) Master of Educational Management Master of Public Policy M.A. (Economics) by Research M.A. (Geography) by Research M.A. (History) by Research M.A. (English Language and Applied Linguistics) by Research M.A. (English Language and Applied Linguistics) by Coursework and Research M.Sc. (Petroleum Geoscience) by Coursework and Research